

“Ulama yang kanan Singapura” telah menegur langkah Siput Sarawak “menyembah” Sultan pahang kerana yang demikian itu haram mengikut pengajaran agama tentang haramnya tidak syak lagi. Melihat langkahan itu sebagai orang awam yang telah bertaklid kepada perbuatan ulama-ulama di Tanah Melayu yang selalu menjunjung Duli, maka ia pun mengadakan pertanyaan yang tepat dengan katanya, “Perbuatan menyembah yang dilakukan sekarang ketika mengadap raja-raja Melayu bukan sahaja dilakukan oleh rakyat biasa yang jahil tetapi juga oleh alim ulama dan orang-orang ahli hukum-hukum agama”. Benar! Ulama sama ulama selalu pejam mata. Mereka sudah melihat keadaan ini dengan gambar-gambarnya banyak! Mereka lakukan.....mengapa? T.S.T. kalau ulama tidak berani menyatakan yang hak di antara mereka “menyembah” selain daripada Allah yang terang salahnya maka betapa pula halnya mereka itu tentang yang kecil-kecil kalau mereka sudah tepat ambil taklid daripadanya. Jadi kalau ulama sudah pakai taklid tentu orang awam ikut taklid si ulama. Apa kata ulama, mahu taklid juga lagi??!

\* \* \*

Lagi satu! Perempuan-perempuan awam sekarang sudah heboh rundingkan tentang main badminton pakai seluar panjang atau seluar pendek. Ada juga syorkan supaya pakai seluar pendek di bawah lutut dan sudah tentu ada syorkan di atas lutut supaya.....Hukum agama sudah tetapkan aurat perempuan-tidak dipakai.....tudung mulai dibuang sedang ulama pejam mata bahkan ada ulama sama-sama di sana untuk baca doa. Kemudian pakai baju nipis dan setelah itu pakai seluar panjang baju tangan pendek dan sekarang mahu pakai seluar “seurat” atas lutut! Mereka beralasan mahu kemajuan-kemajuan apa? Nanti orang jawab sebab mahu masuk politik dan mahu merdeka. Politik apa, merdeka apa? Awas ulama-ulama nanti kemerdekaan yang dikatakan hendak dikacau atau dihalangi dengan muzakarah itu akan jadi.....merdeka luar dalam....Kalau tidak percaya lihat nanti!

\* \* \*

Sebahagian ulama-ulama ribut tentang adanya kitab “Al-Tauhid: yang membersihkan orang-orang daripada melakukan syirik- sama ada disedarinya atau tidak! Kerana itu ada yang melolong meminta kerajaan mengharamkannya mengadakan tuduhan-tuduhan kitab itu menyalahi dan merosakkan imam. Mereka menuduh sahaja tetapi tidak memberi penjelasan. Menuduh sememangnya senang kerana lidah tak bertulang apa lagi orang yang menuduh itu bersembunyi. Tetapi yang lebih pelik lagi mereka tidak mahu menuntut mengharamkan kitab “bertilik” yang terang membawa syirik itu. Mengapa....jawabnya tidak ada maslahat di sana sedang kalau meluaskan fahaman bertaklid banyak mendapat pengikut buta seperti mencucuk hidung sehingga ada yang bertaklid kepada perbuatan ulama yang “menyembah” sultan bertaklid kepada cara Hindu seperti yang telah dilakukan dengan cara sembah.



## KOPI PAHIT

Sebahagian besar daripada orang-orang yang suka anjurkan taklid itu bertujuan supaya “saku penuh” sebab orang ramai mudah ditipu bilangkan ini hukum Tuhan, ini pengajaran mesti diketahui berdua-dua sahaja-ini pengajaran berkhalwat yang pahalanya sama dengan Haji-dan wang untuk Haji itu lebih baik diberikan kepadanya sebagai wang ijarah-.....bukan bagus!???

\* \* \*

Seorang penulis “bahlul” dalam sebuah akhbar telah marah-marah kepada tuan punya majalah ini kerana menerbitkan buku “Al-Tauhid”. Ia terus meradang dan buka orang punya kain dengan tidak tabik kecuali lagi sedang apa yang disalahkannya dalam kitab Al-Tauhid itu tidak disebutnya. Pandai sungguh rupanya orang ini buka “kain orang” kerana harus juga demikian fatwanya tatkala mengajar orang-orang bertaklid kepada guru supaya periksa semua kain murid-muridnya dalam masa “berkhawat pada malam Jumaat kerana mengambil fadhilat yang sama dengan mengerjakan Haji!”

Benarkah begitu??!!

\* \* \*

Al-kisah- telah diceritakan oleh yang empunya cetera pada suatu hari seorang Haji dikatakan telah datang meminta supaya Lembaga Pengatur Muzakarah

di Pulau Pinang “dibubarkan”. Lembaga menolak dengan alasan bahawa mereka telah banyak berbelanja. Mendengar itu Haji itu kononnya menawarkan \$10,000 kerana menutup belanja itu tetapi lembaga tolak! Sungguh hebat benar bangkangan-bangkangan kepada orang-orang yang hendak cari kebenaran.

\* \* \*

Fatih Akhir seru orang-orang Islam bersatu padu supaya hak-hak agama di negeri ini dapat ditegakkan. Seruan Fatih Akhir dibidas oleh Tengku Abdul Rahman, ketua UMNO, yang menyuruh supaya Fatih Akhir jalankan pertubuhan Islam hanya dalam hal agama sahaja. Pesan Tungku ini seakan-akan sama dengan pesan orang putih yang berkata “Agama Islam itu untuk cagaran mati sahaja” dan agama Islam tidak boleh campur politik! Kita harap Tungku itu mengajari dahulu hukum-hukum Islam baharu tahu apakah Islam itu agama politik atau tidak!

\* \* \*

Tengku Abdul Rahman dikatakan ada berkata “Perjuangan UMNO bukan sahaja tidak melupakan agama tetapi juga sentiasa berikhtiar bagi mendapatkan kemuliaan yang dikehendaki dalam Islam”- Syabas! Indah sungguh kalimah ini- mendapatkan kemuliaan yang dikehendaki dalam Islam! Bagaimana konsert, pasar malam, loteri dan....dan....itu, kemuliaan yang dikehendaki oleh Islam??!! Kita fikir adanya cawangan agama atau kalimah agama di dalam pertubuhan UMNO itu hanya untuk menarik orang kampung jadi ahli sahaja- Lain tidak! Betul apa tidak Tungku?! Kalau betul maka sudah terang kebangsaan “Jahiliah” dengan agama hanya sebagai topeng ju- Cemeti Al-Faruq.